

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: HOTEL VISTANA, PULAU PINANG
Tarikh: 01-08-2005
Tajuk : SEMINAR PEMIKIR - MEDIA DAN WAWASAN 2020

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon,
Ketua Menteri Pulau Pinang,

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dzul kifli Abd. Razak,
Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia (USM),

Yang Berbahagia Tan Sri Hashim Makaruddin,
Pengerusi Eksekutif, Kumpulan Utusan,

Yang Berbahagia Prof. Madya Mohammed Zin Nordin,
Dekan, Pusat Pengajian Komunikasi USM,

Prof. Madya Haji Mohamad Haji Md. Yusoff,
Penyelaras Seminar Pemikir,

Ahli-ahli panel, dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan para peserta seminar yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu terima kasih diucapkan kerana menjemput saya bagi menyampaikan ucap tama di Seminar Pemikir - Media dan Wawasan 2020 anjuran Kumpulan Utusan dan Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia.

2. Wawasan 2020 sebagai satu gagasan hakikatnya amat penting untuk kita hayati dan memahami pengertian sebaliknya. Walaupun ia bersifat satu idea atau satu impian, namun ia begitu signifikan sebagai road map untuk kita mengatur langkah dan strategi untuk mencapainya. Sebagai satu kerangka perjalanan, Wawasan 2020 akan memandu kita ke arah perjalanan yang lebih bermakna berasaskan sembilan cabaran yang telah digariskan oleh arkitek dan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

3. Cabaran tersebut yang mencakupi permasalahan dan rintangan psikologi, ekonomi, politik dan sosial yang mesti dihadapi kini dan menjelang 2020 ialah:-

- Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama;
- Mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju, dengan

keyakinan akan keupayaan diri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang telah

dicapai, serta cukup gagah menghadapi pelbagai masalah

- Mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang
- Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan bertolak ansur
- Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur
- Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif
- Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi
- Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi
- Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental

4. Persoalannya kini ialah apakah rintangan dan halangan yang dihadapi? Sementara kita mencapai matlamat yang digariskan tadi, siapakah pula yang bertanggungjawab menerjah mahupun mempercepatkan pencapaian matlamat wawasan kita.? Yang pasti, peranan media dan berbagai institusi lain termasuk institusi pendidikan, kekeluargaan dan politik saling berkait dan menjadi semakin penting untuk mencapai matlamat tersebut. Malah, media kini semakin ketara fungsinya sebagai agen pengembangan dan pemangkin yang amat berpengaruh dalam menentukan acuan kita berhubung proses perkembangan minda dan sahsiah rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Pelbagai teori dan kajian oleh sarjana Barat dan Timur telah menunjukkan betapa media dan komunikasi memainkan peranan besar terhadap proses penyemaian nilai, sikap dan tingkah laku rakyat. Sama ada ia bersifat sementara mahupun berkekalan, kesan media amat mendalam sekali. Industri media seperti televisyen, suratkhbar, radio, iklan dan filem misalnya kini dilihat semakin akrab terhadap kelangsungan kegiatan dan perilaku sasaran. Contohnya, iklan tidak boleh dinafikan bahawa ia berpengaruh di dalam membentuk sifat dan sikap kepenggunaan sasaran. Ia membudayakan pasaran dan memasyarakatkan sikap dan perilaku yang baik dan buruk.

6. Selain itu, mewujudkan budaya pengguna yang bukan sahaja terdidik oleh iklan bahkan menerima hakikat bahawa sesuatu mesej itu sebagai benar dan apa yang dipaparkan sebagai real. Ini diperlihatkan oleh iklan yang ditujukan kepada kanak-kanak. Kognitif kanak-kanak mudah diasuh dan dibentuk oleh iklan. Pun begitu, apa kurangnya kesan mesej iklan terhadap golongan remaja dan orang dewasa. Contohnya, makanan segera KFC, dan McDonalds, amat relevan sekali pengolahan mesej dan iklannya sehinggakan soal ia benar atau tidak, sudah menjadi tidak penting sebaliknya kekerapan iklan pula yang menjadi ukuran. Masyarakat terpengaruh kerana iklan amat berperanan untuk membujuk dan sekali gus menukarkan kognitif dan perilaku sasaran.

7. Begitulah sebaliknya, peranan media filem, akhbar dan penyiaran yang saban hari membawa mesej rayuan, emosi dan maklumat yang mudah diterima atau diketepikan. Tentu sekali, mesej yang memberikan maklumat dan hiburan amat dicari dan digemari berbanding mesej yang bersifat didaktik. Namun, walau apa jenis media sekalipun, sumbangan media terhadap proses pembinaan mental, sahsiah, rohani, jasmani, intelek dan emosi perlu kita gembelengkan dan usahakan. Soalnya bagaimana ia dilakukan?
8. Jika media penting, maka bagaimana dan apakah budaya pembuat dan pengeluar produk media (production culture) perlu diketahui dan dianalisis. Ini bererti, budaya pengeluar akan juga berpengaruh terhadap acuan mesej dan adunan produk yang dihasilkan.
9. Contohnya, jika pengeluar iklan membawa mesej yang tidak bersifat membina dalam bentuk membantu tingkahlaku yang baik, maka tentu sekali kesannya akan menjadi counter productive. Justeru, apakah ia membina masyarakat atau sasaran yang matang lagi progresif? Contohnya, iklan rokok, iklan yang melalaikan dan mengelirukan seperti iklan minuman keras, lucah dan lain amat tidak bersesuaian dengan aspirasi remaja dan sekali gus mewujudkan counter-culture dan hedonisme dalam jangka masa panjang. Mesej yang disogok tentu sekali akan memungkinkan masyarakat menjadi tidak bermoral dan beretika.
10. Demikian pula dengan filem, yang tidak membantu membentuk masyarakat progresif lagi penyayang. Filem yang sifatnya menghibur dipengaruhi dengan sikap pengeluar yang rakus dan mengutamakan keuntungan dengan adegan panas serta ganas tanpa batasan moral dan budaya tinggi. Berapa banyakkah filem kita yang menyimpang dari lulus dan prinsip moral yang diterima umum masyarakat Malaysia.? Bukan jalan cerita yang dipertikaikan, tetapi pengolahan adegan, plot dan moral yang dipertikaikan. Filem yang penuh dengan suspen, misteri walaupun ia menarik, namun belum tentu dapat membantu intelek penonton. Filem seperti ini akan melambatkan lagi proses pengembangan minda dan daya intelektual masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Di dalam kemelut meningkatkan jati diri masyarakat Malaysia yang bermoral, beretika serta progresif, mesej dan santapan rohani seperti filem, iklan, akhbar, dan televisyen perlu diawasi dan dipantau secara serius dan teratur. Bahkan, Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk mengkaji siaran serta rancangan atau program televisyen akan memantau segala bentuk penularan budaya dan mesej yang menyimpang dari asas budaya ketimuran kita. Budaya yang tidak berperikemanusiaan dan mengagungkan hedonisme misalnya, akan disaring dan dibanteraskan sama sekali. Mewujudkan masyarakat penyayang dan bermoral perlu bermula dengan program

televisyen yang sihat serta luhur meskipun ia memerlukan penglibatan adunan mesej serta tarikan atau daya kreatif.

12. Production culture yang mendasari dan menguasai sesetengah media kita perlu dilatih dan diingatkan selalu berkenaan lunas dan amalan baik masyarakat kita. Begitu juga setiap penulis dalam agensi iklan, penerbit program TV sama ada swasta mahupun awam bagi apa bentuk genre program, penulis lakon layar, penulis siaran akhbar, wartawan termasuk penggemar media baru perlu dididik dengan segala macam keperihal budaya Malaysia yang bertunjangan budaya Islam dan Melayu.

13. Ketamadunan Melayu sebenarnya amat penting di dalam proses penciptaan hasil karya kita yang tulen. Oleh yang demikian, tidak perlu untuk kita mengikuti budaya Barat secara membuta-tuli termasuk mencedok secara bulat-bulat program televisyen Barat. Umpamanya, format realiti TV yang begitu popular sekarang seperti Mencari Cinta, Mentor, Akademi Fantasia. Adakalanya adegan yang terpancar dalam program ini agak melencong daripada kebiasaan dan adat resam budaya orang Timur.

14. Disebabkan itulah, bagi saya adalah penting supaya program TV dan media baik dari segi pemaparan mesej dan isi kandungan dihasilkan oleh bukan sahaja pengeluar yang berbudaya tinggi bahkan berpaksikan matlamat Wawasan 2020.

15. Adalah penting untuk kita dibatasi oleh pertimbangan nation-building bukan nation-destroying dalam ertikata yang luas. Konteks pembinaan insan, rohani, intelek dan jasmani perlu mencakupi keperihal emosi dan akal budi yang tinggi. Pengeluar atau pengusaha tidak perlu didorong oleh pertimbangan komersil dan pasaran semata-mata. Hinggakan pasaran dan produk menjadi satu komoditi dan akibatnya soal etika serta moral dikesampingkan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Kita mesti berusaha mewujudkan masyarakat, komuniti media dan khalayak yang saling memahami keperluan dan aspirasi negara yang menuntut keyakinan diri untuk memajukan segala bidang dan berbangga dengan keupayaan anak-anak tempatan. Bukankah juga Wawasan 2020 menuntut keterampilan dalam acuan kita dan bukannya berbangga dengan identiti luar, jiwa yang tidak bebas, dan masih tidak tenteram kerana kiblat kita bukan lokal tetapi kebaratan.

17. Kita perlu bangga dengan pencapaian kita selama ini walaupun pelbagai ujian menanti kita. Kita perlu rasa syukur dengan kemajuan ekonomi kita. Kemajuan kita kerana kita bersatu dan amat demokratik di dalam menangani permasalahan sosio-ekonomi dan politik. Kematangan kita kini menjadi aset negara dan rakyat Malaysia.

18. Senario di atas mencerminkan betapa perasaan ukhawah kita terjamin lagi utuh. Masyarakat kita semakin liberal dan bertolak ansur akibat situasi dan sistem politik yang demokratik. Kerajaan pula percaya kepada perkongsian makna dan wawasan bersama. Kita mengamalkan persaingan yang sihat tanpa prasangka seterusnya yakin dengan keupayaan sendiri untuk mengejar kemajuan.

19. Namun, jika kita berkongsi wawasan dan matlamat, maka soal pengagihan kekayaan yang mendasari wawasan menjadi sebuah negara maju perlu direalisasikan. Punca segala perselisihan faham ialah akibat tidak memahami wawasan dan matlamatnya yang akhirnya mewujudkan masyarakat yang berprasangka tanpa batas dan alasan munasabah.

20. Kita percaya ekonomi merupakan kunci kepada kemajuan dan kejayaan negara tercinta Malaysia. Disebabkan itu jugalah, agenda Melayu yang di bahaskan dan diterima oleh UMNO baru-baru ini merupakan manifestasi kenapa keadilan ekonomi merupakan matlamat penting gagasan Wawasan 2020.

Tuan-tuan dan puan-puan,

21. Sesungguhnya, industri media kita sudah berkembang pesat manakala akta atau dasar yang digubal yang bersifat kawalan sendiri atau menerusi perundangan memperlihatkan kematangan kita mengorak langkah dan bersaing di persada dunia. Tetapi dalam masa yang sama, agak malang kerana sejak arus globalisasi dan liberalisasi melanda dunia, kita seolah-olah terpaksa menyerahkan semangat juang kita kepada konglomerat besar. Banyak yang sudah diambil alih khususnya industri iklan dan perhubungan awam manakala perfileman kita masih berorientasikan luar.

22. Pasaran yang besar dari segi pembikinan filem kini sudah dilanda krisis kekurangan kerja kerana matlamat membina industri tempatan sudah dipinggirkan. Dasar buatan filem di Malaysia dan agenda melestarikan perusahaan sokongan dalam semua bidang media juga semakin dialpakan. Akibatnya, industri tempatan dan sokongan semakin tenat dan usaha untuk menggalakkan industri media bersandarkan Dasar Ekonomi Baru tidak kesampaian.

23. Kini, pasaran neo-liberal yang mengutamakan persaingan yang berteraskan kekuatan modal mendasari senario persaingan sejagat. Apakah ini dapat ditangani oleh industri bumiputera jika pasaran yang bebas dibiarkan menjadi penentu dan pencorak sesuatu projek. Jelas, pengagihan ekonomi di dalam konteks di atas tidak saksama mahupun adil.

24. Hal ini nyata dalam sektor pengiklanan, perhubungan awam, perfileman dan media baru. Bahkan, industri iklan kita tidak memperlihatkan struktural yang saksama di samping jurang perolehan yang ketara. Akibatnya, wajah dan identiti Malaysia terjejas dan usaha untuk memastikan masyarakat yang adil dalam

bidang ekonomi media akan terbantut pencapaiannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

25. Wawasan 2020 dan Media, sebagai satu topik amat relevan sekali dan sementara kita ingin mencapai matlamat Wawasan 2020, saya percaya kegiatan ekonomi perlu rancak serta pertumbuhannya tidak boleh di perlahankan. Malah kita memerlukan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi untuk memungkinkan pencapaian Wawasan 2020. Syarat ekonomi yang dinamik tetap menjadi matlamat besar kita.

26. Pun begitu, kemajuan ekonomi hanya satu kriteria untuk negara maju, di samping kekuatan minda dan kecerdasan intelek kita yang bakal melonjakkan kita menjadi manusia global. Global dalam ertikata mampu mempertahankan identiti, keyakinan diri, bersaing dan melebarkan sayap di persada dunia. Untuk itu, masyarakat saintifik dan progresif perlu dilahirkan menerusi pendidikan media dan penggembelangan media yang lebih teratur.

27. Media perlu di rekayasakan oleh akal budi dan kematangan manusia yang benar-benar berwawasan, memahami dan menghayati erti ketamadunan barat dan keaslian timur. Mereka perlulah memahami erti modeniti dan bertunjangan Islam Hadhari iaitu ketamadunan serta kegemilangan peradaban Islam dan Melayu atau budaya dan tamadun timur.

28. Barulah, matlamat negara maju dapat direalisasikan yang mana soal masyarakat yang kental, tinggi jati diri, maju rohani, jasmani, intelek dan emosi dapat dijelmakan. Selagi, kita mudah dibuai mimpi oleh segelintir pengamal media yang tidak berwawasan maka selagi itulah kecemerlangan dan kegemilangan anak bangsa akan terpinggir. Yang penting, kita perlu bersedia merubah minda dengan segala cabaran yang mendatang tanpa hilang pedoman mahupun tenggelam punca. Bak kata pepatah Inggeris: Jika ada kemahuan, di situ ada jalan.

29. Akhir kalam, Selamat Bersidang diucapkan, semoga segala kesepakatan dan resolusi Seminar Pemikir ini dapat dimanfaatkan untuk di gunapakai dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Dengan lafaz bismillahhirahmannirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Pemikir.- Media dan Wawasan 2020.

Sekian.